

Mengenal Adat Perpatih

OLEH
KABIR YUSOF

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S

Mengenal Adat Berpatih

Oleh. Kadir Yusof.

mengenal adat perpatih struktur dan organisasinya

DENGAN hanya menunjukkan dan memperkatakan tentang NHA2 Keadilan Sosial yang wujud didalam hukum2 Adat Perpatih itu sahaja, tentulah tidak dapat memberikan suatu gambaran yang jelas; kiranya latarbelakang keadaan Struktur dan Organisasi Masyarakat Perpatih itu sendiri, tidak dijelaskan terlebih dahulu.

Kita pernah mendengar, kalau tidak pun terjumpa didalam buku2, kata2 Perbilangan ini:

*"Alam beraja,
Luak berpenghulu,
Lembaga berlingkungan,
Anak-buah berbupak."*

Dari kata2 ini, sekurang-kurangnya telah menampakkan dua perkara: pertama, batas2 sempadan dimana seseorang itu dapat bertindak, mengikut kekuasaan2 yang ada padanya; kedua, siapa yang mempunyai kuasa dari segi politiknya, dengan menentukan kedudukan dan peranan masing2.

Sebenarnya, unit masyarakat yang paling kecil didalam sistem Adat Perpatih ialah keluarga. Dari satu keluarga itu, akan wujud pula beberapa charak kemudiannya, yang jurai keturunannya berbentuk matrilineal iaitu Jurai Keturunan yang disusur-galurkan mengikut sebelah ibu. Keturunan selanjutnya dari charak2 tadi, akan membentuk pula satu gabungan kekeluargaan yang lebih besar, dipanggilkan perut dengan diketuai oleh salah seorang anggota perut itu dengan gelaran buapak. Dan gabungan daripada beberapa perut, yang mengakui sama nenek moyangnya, akan

mewujudkan pula satu bentuk kekeluargaan yang lebih besar lagi, dinamakan suku, dengan diketuai oleh salah seorang anggota suku itu, dengan gelaran lembaga.

Dengan lain2 perkataan, tiap2 anggota suku itu adalah mengakui, bahwa mereka adalah berasal dari satu nenek moyang yang sama; walaupun mereka tidak tinggal disatu tempat yang sama. Dan, lembaga yang mengetuai satu2 suku itu adalah dipilih dan dilantik oleh anggota2 suku itu sendiri sechara bergelar-gelar mengikut perut2 yang membentuk suku itu tadi.

MENYANDANG

Seseorang lembaga itu mempunyai kekuasaan bertindak, hanya didalam sukunya sahaja. Inilah yang merupakan batas kawasan kekuasaannya yang selalunya diistilahkan dengan kata lingkungan. Kawasan yang lebih besar dinamakan luak, yang merupakan satu daerah, diketuai pula oleh sedang pembesar dipanggilkan undang atau kadang2 disebut juga Penghulu. Walaupun didalam satu2 luak itu terdiri daripada beberapa suku yang berbeza-beza, namun yang berhak menyandang kedudukan sebagai undang itu ialah salah seorang daripada suku, yang dinamakan warith biduanda. Kerana, mereka adalah merupakan orang asal Negeri Sembilan. Gabungan dari luak2 yang disebutkan tadi, akan mewujudkan pula sebuah negeri, dimana simbol perpaduan rakyatnya, yang terdiri daripada ber-

bagai-bagai suku itu ialah raja, yang bergelar Yang di Pertuan Besar.

OLEH kerana itulah susunan kekuasaan dan kedudukan politik seorang pembesar itu, ditentukan mengikut Perbilangan ini:

*"Diatas Raja,
Ditengah Undang,
Dibawah lembaga,
Raja berdaulat, dalam Alamnya,
Penghulu (Undang) berdaulat, dalam luaknya,
Lembaga bernobat, dalam sukunya,
Buapak bernobat, dalam Anak buahnya."*

Sesuatu keputusan atau ketetapan yang akan diambil didalam menyelesaikan masalah2 yang berkaitan dengan peraturan2 atau hukuman2, harus sanya tindakan2 akan dibuat melalui saluran2 yang tertentu, mengikut batas2 lingkungan kekuasaan yang tertentu pula. Lazimnya, saluran2 itu bermula dari peringkat yang paling rendah, membawalah keperingkat yang paling atas, hinggalah masalah itu dapat diselesaikan. Prinsip2 mawchari keadilan yang selalu dipikarlah:

*"Kata bercharian, pada anak buahan
Sah-batal, kepada Lembaga,
Kata bercharian, pada Lembaga
Sah-batal, kepada Undang.
Kata bercharian, pada Undang,
Sah-batal, kepada keadilan (Raja)*

Dari tiga rangkap kata perbilangan yang telah dikemukakan diatas, kira, gambaran gariskasar struktur yang membentuk masyarakat, dan sistem Adat Perpatih, telah jelas

mentan. Sekarang-kurangnya, telah menampakkan tiga perkara.

Pertama, setakat mana kawasan dan batasan-batasannya, seseorang itu ditempatkan didalam susunan masyarakat.

BERTINDAK

Kedua, dimana dan sejauh mana pula, kekuasaan yang ada pada seseorang itu untuk bertindak didalam masyarakatnya.

Ketiga, bagaimana sesuatu tindakan itu dibuat dan diambil. Dan, setakat mana pula tindakan2 itu dapat disalurkan mengikut lunas-lunasnya.

Dengan kata2 lain, dapat dirumuskan bahwa, dari kata2 Perbilangan jadi, secara umumnya telah menampakkan kedudukan dan peranan seseorang individu itu didalam masyarakatnya, yang dengan sendirinya pula membentuk satu struktur masyarakat dan organisasinya.

Untuk mewujudkan keadaan stabiliti dan order didalam masyarakat sistem Perpatih, adat telah memainkan peranannya, didalam segala institusi2 yang ada dalam masyarakat itu. Melalui institusi2 ini pulalah, segala unsur adat itu disalurkan yang bertindak sebagai salah satu alat pengawal perlakuan2 manusianya. Oleh kerana adat itu memainkan peranan didalam masyarakat sistem Perpatih, maka ia dinamakan adat perpatih.

PERATURAN

Walaupun banyak orang telah memperkatakan tentang Adat Perpatih ini dari beberapa aspek dan jurusan, namun masih besar lagi bilangan orang yang samar2, kalau pun tidak tersalah dalam memberikan konsepnya. Kerana kebanyakan orang, bila menyebut Adat Perpatih, apa yang terlintas difikiran mereka hanya tentang bentuk matrilineal, bentuk matrilineal dan bentuk matrilinealnya sahaja. Dan bila mereka meneliti pula perbilangan2 adatnya, yang merupakan aturan dan peraturan hidup sistem ini, kerap kali pula berlaku pentafsiran yang kurang tepat, kalau pun tidak tersalah langsung.

Adat Perpatih itu pada istilahnya adalah satu urutkata, yang sesungguhnya merupakan satu anutan, bagi golongan masyarakat yang menganutnya. Sedangkan, istilah perpatih itu sendiri adalah merupakan nama bagi manusia yang mempelopori sistem hidup ini. Dan segala peraturan serta hukuman yang diwujudkan didalam sistem ini, yang bertujuan untuk membendung perlakuan2 dan memupuk nilai2 kemanusiaan anggota masyarakatnya, adalah dinamakan adat. Oleh kerana itu, apa yang akan dititikberatkan dalam pembicaraan ini selanjutnya ialah tentang adatnya itu sendiri.

Umum mengetahui bahwa adat itu adalah merupakan peraturan hidup manusia. Tetapi, apa yang kurang difahami orang ialah hakikat adat itu sendiri, baik dalam tafsirannya mahupun dalam bentuk dan keadaanya. Sebenarnya, adat itu merangkumi empat

bentuk dan keadaan, dalam kewujudannya, iaitu:

Adat yang sebenarnya adat

Adat yang diadatkan

Adat yang teradat

Adat istiadat


Adat yang sebenarnya adat, adalah merupakan suatu aturan masyarakat yang wujud pada awalnya dahulu, dengan berasaskan kenyataan2 Alam. Dari keadaan Alam yang wujud itu telah memberi pengalaman dan pengajaran kepada manusia didalam hidupnya. Dan dari pengalaman dan pengajaran Alam itu pulalah manusia membentuk dirinya, perlakuannya dan juga jiwanya dalam memenuhi keperluan hidupnya hari2, hingga menjadi sebagai suatu kelaziman. Hal ini pernah dikatakan dalam perbilangan Adat sebagai:

"Penakik pisau seraut,

Ambil galah batang lintabung,

Seludang ambilkan nyiru;

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S



Rumah adat perpatih.

*ban setrek, dijadikan laut,
Nan sekepal, dijadikan gunung.
Alam terbentang, dijadikan guru."*

Setelah datangnya pengaruh Islam, adat yang sebenarnya adat ini, telah disesuaikan pula dengan keadaan baharu itu, dimana dia telah merupakan aturan2 yang seharusnya menurut, bukan sahaja garis2 dan asas2 ajaran Islam tetapi juga merangkumi sifat2 kemanusiaan, keadilan dan kesesuaian hidup. Didalam kata2 perbilangan adat ada disebutkan hal ini dengan terangnya, yang berbunyi:

*"Adat bersendi hukum,
Hukum bersendi kitabullah.
Kuat adat, tak gaduhkan hukum,
Kuat hukum, tak gaduhkan adat.
Ikut hukum, muafakat,
Ikut adat, muafakat."*

BAGAIMANA pula dengan kehendak Adat yang diadakan — sebenarnya, adat yang diadakan ini adalah merupakan peraturan2 yang dibentuk, dengan berasaskan pengalaman2 yang diperolehi dari adat yang sebenarnya adat tadi. Dan kemudiannya ditukiskan dalam bentuk pepatah atau perbilangan atau dikenal juga dengan panggilan **teromba**. Jadi, Teromba atau perbilangan ini sebenarnya, adalah merupakan suatu bentuk undang2 yang tidak dikanunkan. Dan ia disampaikan serta diperturunkan dari mulut kemulut, dari jenerasi ke jenerasi dengan dibuat penyesuaian dengan keadaan semasa.

MELAKSANAKAN

Segala-galanya itu, menyentuh soal2 hidup bermasyarakat yang melibatkan bidang2 politik, ekonomi, sosial, kepercayaan, pendidikan dan sebagainya.

Manakala adat yang teradat pula, adalah merupakan satu aturan yang sengaja diadakan oleh ketua2 wilayah atau daerah, samada oleh undang atau pun Penghulu, yang merupakan satu perancangan untuk melaksanakan adat yang diadakan tadi, yang tujuannya membimbing masyarakat dalam segala kegiatannya bagi mencapai tujuan2 baik didalam masyarakat. Di-

dalam konteks ini, mungkin timbul perbezaan sedikit sebanyak, diantara satu wilayah dengan wilayah yang lain, kerana mengikut sesuai tidaknya dengan tempat2 tersebut. Bagaimanapun, pada asasnya, aturan2 itu tidak terkeluar juga dari kehendak2 'adat yang diadakan' (adi, yang merupakan teras didalam hukum2 peraturan Adat Perpatih. Kerana itulah kita dapati perbilangan yang menunjukkan hal ini, iaitu:

*"Adat sepanjang jalan, Berchupak
Sepanjang betong,
Lain lubuk lain ikan, lain padang
lain belalang.
lain negeri lain adanya. ADAT
senggeri-negeri."*

MENYESUATKAN

Jadi, anggapan yang mengatakan Adat Perpatih itu suatu yang beku dan kaku, sebenarnya kurang tepat. Kerana, mengikut prinsipnya, didalam 'Adat Yang Teradat', jelas menampilkan yang adat itu mempunyai kesanggupan untuk menyesuaikan diri dengan situasi dan keadaan setempat dan semasa. Pada idealnya, masih dapat dipraktikkan lagi hingga sekarang, walaupun disana sini telah diwarnakan. Kerana itulah yang juga pernah dikatakan **adat** yang *"Tak lupuk dek hujan,
Tak lekang dek panas."*

KALAU ditinjau pula satu aspek yang lain iaitu **adat istiadat**, akan menampilkan pula suatu pola perlakuan anggota2 masyarakat, didalam satu2 kelompok, wilayah atau negeri. Dia lebih merupakan kebiasaan yang digemari dan diiktiraf oleh masyarakat.

Setakat ini saya kira, kita telah mendapat suatu gambaran struktur masyarakat yang wujud didalam sistem Perpatih dan apa pula alat2 yang mengawal anggota-anggotanya bertindak melalui hukum2 adatnya, yang dikenal dengan panggilan Perbilangan atau Teromba.

Didalam mentafsirkan kehendak2 dan maksud kata2 Perbilangan atau Teromba inilah, yang selalu menem-

bukan kekeliruan, khususnya oleh orang2 yang kurang memahami struktur dan organisasi adat Perpatih itu sendiri. Kerana, kita bukan sahaja perlu memahami apa yang tersurat didalam Teromba itu, tetapi yang lebih perlu ialah memahami apa yang tersirat atau menyembunyi dibalikinya.

SUMBANGANNYA

Selalu benar ditanyakan orang, sejauh manakah nilai2 adat Perpatih itu dapat memberikan sumbangannya dalam pengawalan struktur dan organisasi masyarakat, khususnya masyarakat penganutnya sendiri.

Saya kira, bagi meneliti dan menganalisa perkara ini dengan lebih mendalam, kita harus meninjau nilai2 kekuasaan yang ada pada golongan2 anggota masyarakat Perpatih itu dan peranan mereka masing2.

Satu perkara yang penting dan yang harus difahami dalam struktur Adat Perpatih ialah tentang adanya dua golongan orang, dalam sistem hubungan kekeluargaan mereka, iaitu **orang semenda dan tempat semenda**.

Telah umum diketahui bahwa, dalam masyarakat Perpatih di Negeri Sembilan, mengandungi duabelas suku, yang mengamalkan sistem perkahwinan yang berbentuk Exogamy. Bagi seseorang yang mendatang kedalam satu2 suku yang lain daripada sukunya sendiri, melalui perkahwinan, maka ia dipanggil **orang semenda**. Sementara anggota2 suku yang didatangi itu pula, dinamakan **tempat semenda**. Tetapi, oleh kerana sistem tempat kediaman didalam masyarakat Perpatih itu berbentuk **matrilocal**, maka yang paling dititikberatkan dalam konsep 'Orang Semenda' dan 'Tempat Semenda' itu ialah golongan lelaki. Dengan kata2 lain dapat dikatakan bahwa suami2 adalah menjadi orang semenda kepada anggota2 suku isterinya. Manakala saudara2 lelaki si isteri itu, umumnya adalah merupakan sebagai 'Tempat Semenda'.

TIAPI2 golongan, baik orang semenda, mahupun Tempat Semenda mempunyai hak, tanggungjawab

kekuasaan masing2, yang jelas menunjukkan unsur2 semangat bekerja sama dalam segala hal. Didalam Perbilangan Adat ada ditunjukkan hal ini, dengan kata2:

*"Orang semenda, seresam,
Tempat Semenda, seadat.
Buat seorang, buat semua,
Berjalan serentak, melenggang seayun,
Lemah melapas, chondong menu-
pang."*

Bagaimanapun, tiap2 golongan itu ada batas2 kekuasaan dan pantangnya sendiri, yang tak boleh dilampaui. Hal ini penting, kerana selain daripada menjaga kepentingan kerjasama dan perpaduan ia juga untuk mewujudkan stabiliti dan order didalam masyarakat itu sendiri.

Bagi Orang Semenda pantang yang tak boleh dilakukannya ialah:

*"Anau sebatang, dua sigai,
Pelesit dua sekampung,
Diberi satu, diambil dua."*

Maksudnya, tiap2 Orang Semenda, tidaklah akan melakukan perkahwinan yang berbentuk **soroal polygeny** atau pun mengahwini dua atau lebih

perempuan yang sama sukunya, dalam satu masa. Bukan itu sahaja, bahkan Orang Semenda juga tidak dibenarkan melakukan perkara2 sumbang dengan mana2 perempuan yang sama sukunya, dengan isterinya. Hal ini penting, sekurang-kurangnya dapat mengawal perpechahan dikalangan anggota2 satu2 suku itu, khususnya keluarga2 yang terlibat. Kerana, dari segi saikoloji, bentuk polygeny ini, adalah melibatkan pergolakan emosi diantara isteri2 yang dimadukan dan diantara keluarga2 yang terlibat.

Tentu ada orang yang menyanggah, tidakkah hal ini bertlawanan dengan hukum2 Islam yang membenarkan berkahwin hingga empat orang dalam semasa? Sebenarnya, adat Perpatih hanya menghalang berpolygeny didalam satu suku, tetapi tidak pula menghalang berpolygeny dengan perempuan2 yang diluar daripada suku isterinya yang ada. Disinilah letaknya, nilai2 Adat Perpatih itu yang bukan sahaja mempunyai nilai2 Tolorensi tetapi juga menunjukkan kemampuannya dalam menyesuaikan diri dengan keadaan masa.

Bagi Tempat Semenda pula, pantang yang tak boleh dilakukannya ialah:

*"Diberi, diambil balik
Beruja, berpegang ekor.
Melintang kepala ladang."*

Maksudnya amat jelas menunjuk-

kan yang hak kekuasaan dan tanggungjawab yang diberikan kepada Orang Semenda itu, bukanlah suatu yang boleh dipermudah atau diambil semula dengan sewenang-wenangnya oleh Tempat Semenda. Dan, Tempat Semenda juga tidak boleh menunjukkan rasa ragu2, tidak memperchayai dan tidak boleh bertindak diluar batas2 kekuasaan mereka, terhadap Orang2 Semendanya.

Dari gambaran2 yang telah diberikan diatas, suatu hal yang nyata ialah, kekuasaan itu memang ada diberikan kepada kedua pihak. Dan, kedua pihak adalah bertanggungjawab menghormati hak2 kekuasaan masing2, demi untuk menjaga semangat perpaduan dalam hubungan suku masing2.

Diatas Mimbar

*dengan serban, jubah dan tungkat
ia berkhutbah:
sesuatu yang melata
dan mujarrad sifatnya
tiada mulak dan azali
wujud pada zat dan 'ainnya.*

*nadanya lemah dan bersuajaya
ia berbichara:
wap2 neraka dan jalan2 keshurga
adalah perbandingan antara dua keaduan
melalui tilik tenung
melalui arah makrifat
satu2 memanjat ufuk
diarash tafakkur nan sufi.*

*hadirin bisu dan sunyi
malaikat2 berkipas sayap*

*menyapu alis dan dahi
tiada ingkar
tiada mungkar
masing2 memohon restu
yang enggan berbagi.*

*dua keadaan yang tertakluk
bayangan memusut pengertian
diatas mimbar.*

*patung2 dan jubah dan tungkat
dibawah mimbar:
umat2 yang lemah dan dzaiif.*

Machang, Kelantan.
18.12.1971.

— MARHAN